

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 143

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status projek menaik taraf sekolah-sekolah daif di seluruh negeri Sarawak khususnya di Kota Samarahan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian dan keutamaan khususnya di sekolah yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan serta naik taraf kemudahan sekolah.

Pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sarawak melibatkan 198 buah sekolah dengan peruntukan berjumlah RM678.97 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI). Untuk pelaksanaan projek daif bagi tahun 2018, sebanyak 116 buah sekolah daif telah dinaik taraf di Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM416.58 juta. Sehingga 24 Jun 2019 sebanyak 75 buah sekolah telah siap dibina dan telah digunakan manakala baki 41 sekolah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan termasuk 17 buah dalam proses penamatan.

Untuk makluman, terdapat empat (4) projek naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif yang sedang dilaksanakan di Parlimen Kota Samarahan. Hal ini meliputi SK Endap (status fizikal 90 peratus), SK Kg Melayu (status fizikal 91 peratus), SK Asajaya Ulu (status fizikal 98 peratus) dan SK Semenggok (status fizikal 99 peratus).

Bagi pelaksanaan projek naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di Sarawak tahun 2019, peruntukan sebanyak RM100 juta telah diluluskan melibatkan 32 buah sekolah. Kesemua projek ini dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) secara tender terbuka.

Selain daripada itu, KPM juga menyalurkan peruntukan penyelenggaraan atau pembaikan sekolah termasuk di negeri Sarawak secara berperingkat berdasarkan skala kerosakan dalam Skor Gred Impak yang disyorkan oleh Jabatan/Bahagian/Institusi/Jabatan Kerja Raya bagi membolehkan kerosakan kritikal pada bangunan dan infrastruktur ditangani terlebih dahulu. Sehingga Mei 2019, peruntukan yang telah disalurkan untuk

NO. SOALAN: 143

penyelenggaraan/pembaikan sekolah-sekolah di Negeri Sarawak adalah bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM12,987,619.00.

Pada masa yang sama, KPM juga telah mengemukakan senarai penyelenggaraan/pembaikan bagi 52 buah sekolah di negeri Sarawak untuk pertimbangan pelaksanaan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun 2019 melibatkan kos penyelenggaraan sebanyak RM19.09 juta.

Sekian, terima kasih.

RJM 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI DR. SANTHARA

TARIKH : 03 JULAI 2019

RUJUKAN : 11645

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan lebih lanjut mengapakah mereka yang sudah berumur 60 tahun ke atas masih belum diberikan kad pengenalan biru walaupun mereka telah bermastautin di Malaysia selepas 10 tahun. Keadaan ini adalah sama juga bagi mereka yang telah berkahwin dengan warganegara Malaysia tetapi masih tidak mendapat kelulusan untuk Kad Permastautin Tetap.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya mengeluarkan Kad Pengenalan berwarna biru (MyKad) kepada individu bertaraf warganegara Malaysia. Dalam hal ini, mana-mana warga asing yang berhasrat untuk mengemukakan permohonan kewarganegaraan mestilah memenuhi syarat seperti mana yang diperuntukkan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan dalam isu pendaftaran perkahwinan, peraturan imigresen dan lain-lain.

Untuk makluman, perincian syarat bagi permohonan kewarganegaraan melalui penaturalisasian di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan adalah seperti mana berikut:

1. Memenuhi tempoh kemastautinan selama sekurang-kurangnya 12 tahun yang dikira dari tarikh pegangan Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR);
2. Berkelakuan baik; dan
3. Mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam Bahasa Melayu yang diukur melalui Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM).

Sehubungan dengan itu, semua individu termasuklah warga emas berumur 60 tahun dan ke atas seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mestilah mematuhi syarat yang telah diperuntukkan dalam perundangan semasa yang berkuat kuasa. Bagi individu warga emas yang berkeelayakan, Kementerian ini telah pun melaksanakan tindakan segera selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018 serta keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018 bahawa pemegang MyPR berumur 60 tahun dan ke atas yang memenuhi syarat sewajarnya mengikut perundangan semasa yang

berkuat kuasa, dipertimbangkan untuk penganugerahan kewarganegaraan Malaysia.

Bagi isu kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu berhubung dengan pengeluaran MyPR bagi pasangan kepada warganegara Malaysia, dimaklumkan bahawa Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) dikeluarkan oleh JPN kepada pemegang Permit Masuk. Justeru, mana-mana warga asing yang berhasrat untuk mendapatkan taraf Pemastautin Tetap perlulah mengemukakan permohonan Permit Masuk di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) terlebih dahulu sebelum merujuk ke JPN untuk pengeluaran MyPR.

Dalam hal ini, pasangan kepada warganegara Malaysia layak dipertimbangkan pemberian Permit Masuk kerana termasuk dalam kategori orang yang dikecualikan daripada larangan kemasukan di bawah Perintah Imigresen (Larangan Masuk) 1963. Walau bagaimanapun, permohonan Permit Masuk golongan tersebut masih tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan JIM iaitu:

1. Pemohon perlu mempunyai Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang Pasangan kepada warganegara untuk tempoh melebihi lima (5) tahun;
2. Pemohon perlu mendaftar perkahwinan di Malaysia;
3. Pemohon perlu melepasi tapisan keselamatan (halus) daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan bebas daripada Senarai Syak / Senarai Hitam Jabatan Imigresen Malaysia; dan
4. Pemohon perlu melalui sesi temuduga dan naziran bagi memastikan perkahwinan benar-benar wujud dan teratur.